

Saya tidak pernah masak untuk Jho Low - Najib

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam memberitahu Mahkamah Tinggi di sini bahawa beliau tidak pernah menyediakan sebarang makanan buat Jho Low.

Sebaliknya, kata bekas Ahli Parlimen Pekan itu, beberapa saksi pendakwaan dalam keterangan mereka sendiri pernah menyediakan makanan buat ahli perniagaan dalam buruan itu.

“Hubungan erat saya dengan Jho Low (Low Taek Jho) telah diperbesar sedangkan Ketua Pegawai Eksekutif 1Malaysia Development Berhad (1MDB) Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi pernah ke rumah Jho Low, begitu juga Jasmine Loo (peguam 1MDB) dan Joanna Yu (bekas pegawai bank AmBank).

“Datuk Shahrol dalam keterangannya sendiri menyatakan beliau masak nasi goreng untuk Jho Low dan jangan lupa bahawa Joanna Yu masakkan sup

untuk Jho Low ketika (lelaki itu) sakit. Untuk rekod, saya tidak pernah masak apa-apa makanan untuk Jho Low,” katanya.

Pada 23 September 2019, Shahrol Azral dalam keterangannya memberitahu bahawa Jho Low dilihat amat rapat dengan Najib malah mengetahui selok belok Sri Satria, Putrajaya, yang merupakan kediaman rasmi Najib ketika itu sehingga boleh meminta pekerja di rumah berkenaan untuk membuat milo ais untuk dirinya (Jho Low).

Terdahulu, Najib mengakui bahawa terdapat beberapa ketika Jho Low berada di kediamannya di Langgak Duta di sini.

‘Pengakuan’ itu diberikan merujuk kepada keterangan Jasmine yang menyatakan dia pernah menunggu di pagar rumah Najib sementara menantikan Jho Low mendapatkan tandatangan Najib untuk beberapa dokumen berkait 1MDB.

“Saya tidak menafikan terda-

pat ketikanya Jho Low berada di rumah saya di Langgak Duta tetapi adalah penting untuk mengetahui konteksnya pada ketika itu. Keyakinan saya terhadap Jho Low timbul daripada imej yang ditunjukkan sebagai seorang berkelayakan dan mempunyai hubungan rapat dengan individu berkuasa.

“Apa yang membezakan lelaki yang sedikit gemuk ini ialah karisma dan kebolehan luar biasanya untuk berinteraksi dengan pelbagai golongan serta mempengaruhi mereka dan sering menunjukkan bahawa dirinya sebagai seseorang yang boleh membawa hasil kepada Malaysia,” kata Najib.

Selain itu, Najib menyatakan imej profesionalisme dan kecakapan strategik digandingkan dengan sikap boleh mempengaruhi Jho Low menjadikannya kelihatan sebagai seseorang yang berhak diberikan kepercayaan dan diyakini.

“Pada masa itu, saya tidak mempunyai sebab untuk meragui niat atau tindakannya. Interaksi saya dengannya sentiasa berpandukan perkara yang saya yakini demi kepentingan Malaysia,” ujar Najib.

Sungguhpun begitu, Najib menafikan beliau memberi sebarang arahan kepada Jho Low untuk bertindak sebagai ‘orang tengah’ bagi dirinya dengan pengurusan 1MDB atau memberikan kebenaran untuk lelaki itu untuk membawa sebarang resolusi syarikat terbabit kepadanya.

“Besarnya kemungkinan Jasmine membawa resolusi tersebut ke kediaman saya di Langgak Duta dan menunggu untuk (dokumen) ditandatangani’ adalah kerana dia sedang bersekongkol dengan Jho Low dan pengurusan seperti Datuk Shahrol bagi memastikan saya menandatangani resolusi itu untuk membolehkan mereka menjalankan

tipu muslihat menyeleweng jutaan ringgit wang 1MDB.

“Saya, hanya menjalankan tugas rasmi saya tanpa syak wasangka akan menandatangani resolusi yang diberikan kepada saya oleh pegawai saya. Perlu ditekankan juga, saya tidak akan menandatangani resolusi kecuali ia telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui Resolusi Pekeliling Pengarah (DCR) dan DCR itu dikecualikan bersama resolusi yang perlu saya tandatangan,” kata Najib.

Najib menyambung pernyataan saksinya setebal 525 muka surat pada hari keempat membela diri atas 25 pertuduhan membabitkan penyelewengan dana RM2.3 bilion 1MDB di Mahkamah Tinggi di sini semalam.

Perbicaraan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Collin Lawrence Sequerah (kini Hakim Mahkamah Rayuan) bersambung esok.